




GELAGAT Nuan Nuan (kiri) bersama ibunya ketika majlis penamaan anak panda gergasi di Zoo Negara, Hulu Kelang semalam.



XING XING panda gergasi jantan.



WAN JUNAIDI (tiga dari kiri) menyampaikan replika kunci kereta Myvi kepada Teik Peng (kanan) selepas majlis penamaan anak panda gergasi di Zoo Negara.

Bermaksud ramah mesra, refleksi hubungan erat Malaysia-China

Nuan Nuan nama anak panda

Oleh MUHAMAD IQBAL MOHD. ZAZULI

HULU KELANG – Anak pasangan panda gergasi Xing Xing dan Liang Liang yang dilahirkan di Zoo Negara di sini pada 18 Ogos tahun lalu kini mendapat nama iaitu Nuan Nuan yang membawa maksud ramah mesra, persahabatan dan keakraban.

Pemilihan nama anak panda betina itu diumumkan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar di Pusat Konservasi Panda Gergasi Zoo Negara semalam.

Nama Nuan Nuan dicadangkan oleh seorang guru Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz,



KERATAN Kosmo! 19 Ogos 2015.

Teluk Intan, Perak, Oh Teik Peng, 53, dalam Pertandingan Menamakan Anak Panda Gergasi yang mendapat penyertaan 22,830 peserta yang memberi pelbagai nama unik.

Pertandingan itu dianjurkan bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Peratuan Zoologi Malaysia dari 17 November hingga 17 Disember

tahun lalu. Teik Peng turut diumumkan sebagai pemenang utama pertandingan itu dengan membawa pulang hadiah utama sebuah kereta Perodua Myvi bernilai kira-kira RM50,000.

Menurut Wan Junaidi, pemilihan nama anak panda seberat 16.5 kilogram itu menunjukkan refleksi hubungan yang erat serta persahabatan rapat antara Malaysia dan China.

“Kelahiran Nuan Nuan ini menjadikan Malaysia sebagai negara pertama yang menyambut kelahiran beruang panda di luar negara China secara semula jadi.

“Nuan Nuan yang berada di bawah penjagaan Zoo Negara diharap menjadi kunci untuk mengeratkan serta mengukuh-

kan lagi hubungan diplomatik kedua-dua buah negara ini,” katanya pada sidang akhbar.

Sementara itu, Teik Peng memberitahu, beliau tidak sangka nama Nuan Nuan yang dicadangkannya terpilih untuk diberikan kepada anak pasangan panda gergasi tersebut.

“Nama ini diilhamkan daripada sifat haiwan itu sendiri. Setelah saya buat kajian mengenainya, naluri panda ini sememangnya ramah dan jinak. Jadi saya pilih nama Nuan Nuan mengikut sifat semula jadinya iaitu ramah mesra,” ujarnya.

Pada 18 Ogos 2015, panda betina Liang Liang telah selamat melahirkan seekor anak panda betina pada pukul 1.45 petang seberat 175 gram di Pusat Kon-

servasi Panda Gergasi.

Kelahiran anak panda pertama itu menjadikan Malaysia negara pertama di dunia yang berjaya melahirkan anak panda secara semula jadi dalam kurungan hanya dalam tempoh 15 bulan dipinjamkan daripada China.

Pasangan panda gergasi yang dipinjamkan kepada Malaysia melalui Program Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa Panda Gergasi tiba di Kuala Lumpur pada 21 Mei 2014 sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China.

Xing Xing dan Liang Liang yang sebelum ini dikenali dengan nama Fu Wa dan Feng Yi dilahirkan di Pusat Pemuliharaan Panda Gergasi Wolong di wilayah Sichuan pada 23 Ogos 2006.